



Hukuman British Terhadap Penentang

Penduduk tempatan yang terlibat dengan kebangkitan menentang British dihukum dengan berat. Mereka boleh dikenakan hukuman gantung sampai mati, dipenjara seumur hidup dengan membuat kerja berat atau dikenakan hukuman dibuang negeri. Contohnya tindakan British terhadap tokoh-tokoh yang memimpin gerakan kebangkitan di Naning, Perak, Kelantan, Terengganu dan Sarawak.

Di Perak, selepas J.W.W. Birch dibunuh pada 2 November 1875, British bertindak balas dengan menghantar Brigedier Jeneral J.Ross dan Mejor Jeneral F. Calborne. Pasukan ini diarahkan untuk menghukum penduduk Perak yang terlibat dengan pembunuhan J.W.W.Birch.

Bil	Tokoh Kebangkitan	Hukuman yang dikenakan
1	Dato' Mahara Lela	Hukuman gantung sampai mati
2	Dato' Sagor Ngah Kamdin (Seri Agar Diraja)	Hukuman gantung sampai mati
3	Pandak Indut	Hukuman gantung sampai mati
4	Seputum	Hukuman gantung sampai mati
5	Kulup Ali	Penjara seumur hidup
6	SiTuah	Penjara seumur hidup
7	Ngah Jabor	Penjara seumur hidup
8	Panjang Bur	Penjara seumur hidup
9	Sultan Muda Ismail	Dibuang negeri ke Skudai, Johor
10	Panglima Perang Semaun	Dibuang negeri ke Skudai, Johor
11	Sultan Abdullah Muhammad Shah II	Dibuang negeri ke Pulau Seychelles
12	Orang Kaya Menteri Ngah Ibrahim bin Jaafar	Dibuang negeri ke Pulau Seychelles
13	Laksamana Wan Muhammad Amin	Dibuang negeri ke Pulau Seychelles
14	Shahbandar Uda Mahamor	Dibuang negeri ke Pulau Seychelles



Orang Kaya Menteri Ngah Ibrahim.

Sultan Abdullah Muhammad Shah II.

Dato Sagor

Ngah Ibrahim

Dato Maharaja Lela
Pandak Indut



Dato' Maharaja Lela, Dato' Sagor dan Pandak Indut dihukum gantung.


Sultan Abdullah, Orang Kaya Menteri Ngah Ibrahim, Laksamana Wan Muhammad Amin dan Dato' Shahbandar dikenakan hukuman buang negeri sedang menaiki kapal Carheston untuk dihantar ke Pulau Syechelles di Lautan Hindi.



Sebagai hukuman kerana menderhaka kepada sultan, British mengarahkan supaya mayat Tok Janggut diarak di Pasir Puteh dan Kota Bharu menggunakan kereta lembu. Kemudian mayatnya digantung songsang, selama beberapa jam untuk tontonan umum di Padang Bank (Padang Merdeka) sebelum dikebumikan di Pasir Pekan. Tujuan British bertindak demikian ialah untuk memberi amaran dan pengajaran kepada rakyat Kelantan supaya supaya jangan terfikir untuk menentang British. Perbuatan British itu bukan sahaja menyalahai ajaran Islam malah melanggar undang-undang perang yang termaktub dalam hukum antarabangsa.

Kerajaan Kelantan menawarkan sebanyak \$500 kepada mereka yang dapat memberkas pengikut Tok Janggut sama ada hidup atau mati. Berikutan tawaran hadiah itu ramai pengikut Tok Janggut diberkas atau dibunuh. Misalnya Berahim Teleng telah dihukum mati manakala Pa'ia orang kanan Tok Janggut telah ditembak oleh penembak upahan.

Deraman bin Akil dan Pak Man Seman telah dipenjara seumur hidup. Manakala Penghulu Adam telah didenda sebanyak \$10 000 dan dihukum penjara selama 10 tahun. Pada 23 Mei 1915, melalui tekanan Penasihat British, Langham-Carter, Sultan Muhammad IV juga telah mengenakan hukuman denda kepada penduduk Pasir Puteh yang dituduh bersubhat dengan Tok Janggut kerana menimbulkan huru-hara dan kekacauan. Penduduk Pasir Puteh diwajibkan membayar denda.



Mayat Haji Mat Hassan atau Tok Janggut sedang digantung songsang di Padang Bank (Padang Merdeka) selama 4 jam sebagai tontonan dan pengajaran kepada rakyat Kelantan yang berani terfikir untuk menentang British.



Padang Merdeka pada hari ini.



Makam Tok Janggut di Pasir Pekan.